SULIT

BAH. PEROLEHAN, PENGURUSAN ASET & STOR
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
No. Resit : PERCUMA
Tarikh :

# MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON

## PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA

## NO SEBUTHARGA PELUPUSAN : P0004/24

| | |
|---|---|
| TARIKH JUALAN | : 19 APRIL 2024 |
| TARIKH TUTUP | : 26 APRIL 2024 |
| HARGA DOKUMEN | : PERCUMA |

**DIKELUARKAN OLEH:**
**BAHAGIAN PEROLEHAN, PENGURUSAN ASET & STOR**

**LAMPIRAN Q**

**Kew.284.Pin . 5/94**

**KERAJAAN MALAYSIA**
**ARAHAN PERBENDAHARAAN 170**
**NEGERI SEMBILAN**

Bila menjawab, sila
nyatakan nombor ini

| NO. SEBUTHARGA PELUPUSAN |
|---|
| **P0004/24** |

**SEBUTHARGA UNTUK PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga .

Kepada (Nama Syarikat / Perseorangan)
........................................................
........................................................
........................................................
No. Telefon :....................................

No.Pendaftaran dengan kementerian Kewangan / No. Kad Pengenalan

: ....................................

Kod Bidang Pendaftaran yang releven dengan pembelian ini ........221902........

Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh:
Majlis Perbandaran Port Dickson
KM 1, Jalan Pantai, 71009
Port Dickson, Negeri Sembilan
No Telefon : 06-6471122

Tarikh : ........................

1. Sebut harga untuk pelupusan aset alih kerajaan yang disenaraikan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

   1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan ke alamat seperti berikut:-
   **Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor,**
   **Majlis Perbandaran Port Dickson, KM1 Jalan Pantai,**
   **71009 Port Dickson, Negeri Sembilan**

   1.2 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebutharga **P0004/24**

   1.3 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 tengah hari** pada **26 April 2024**.

   1.4 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh : 18/4/2024

Tandatangan : ..........................................

Nama Pegawai : HASNOR BIN ABD HAMID

Jawatan : Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Port Dickson

| Bil. | Perihal Pelupusan Aset Alih Kerajaan dan Syarat-Syarat Khas | Kuantiti/ Kekerapan | Kadar (RM) | Harga (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1.<br><br><br>2. | PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA<br><br>Sila kemukakan bersama sesalinan sijil :-<br>• Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)<br>• Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang: 221902)<br>• Salinan penyata akaun bank terkini (bagi pemulangan Deposit) | ***Sila rujuk senarai Lampiran J***<br><br>***(KEW.PA-28)*** | **Untuk diisi oleh Penyebut Harga* | |
| | | | **Jumlah (RM)** | |

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tempoh penyerahan/penyempurnaan ialah 14 Hari

Saya / Kami dengan ini menawar untuk membeli Pelupusan Aset Alih Kerajaan Secara Jualan Sisa Majlis Perbandaran Port Dickson di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebut Harga :..........................................

Nama dan K/P :..........................................

Alamat Syarikat :..........................................
..........................................
..........................................

Cop Rasmi Syarikat :

Tarikh :.................................

**Mustahak – Lihat Syarat-Syarat Am Di Belakang**

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

**1.** Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli pelupusan aset alih kerajaan Majlis Perbandaran Port Dickson.

**2.** Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. **Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos** atau **Draf Bank** sahaja atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**.

**3.** Penyebutharga yang berjaya harus mengambil pelupusan aset alih selepas bayaran penuh dijelaskan dalam **tempoh 14 hari** ( termasuk hari Cuti Am, Sabtu dan Ahad ) dari tarikh penerimaan surat tawaran dan surat setuju terima. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

**4.** Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).

**5.** Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.

**6.** Penyebutharga mestilah terdiri daripada Syarikat Tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) dalam Bidang Membeli Barang Lusuh (Perlu Permit).

**7.** Penyebutharga **WAJIB mengambil keseluruhan Aset Alih tersebut** dan tidak dibenarkan hanya mengambil sebahagian Aset Alih sahaja.

**8.** Tawaran Sebut Harga yang dihantar melalui pos, hendaklah memastikan tawaran tersebut diterima oleh MPPD sebelum tarikh dan waktu sebut harga ditutup.

**9. Masa/ Lokasi :-**

a) Masa berurusan adalah pada jam 9.00 pagi - 3.00 petang waktu pejabat. Lokasi di Stor Majlis Perbandaran Port Dickson.

**10. Penolakan :-**

a) Harga yang ditawarkan tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbang.
b) Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
c) Fasal - kecil (a) dan (b) di atas ini tidak memudaratkan apa - apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

**11. Jadual Pembayaran**

a) Pembayaran hendaklah dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM) oleh penyebutharga secara pembayaran penuh kepada Majlis Perbandaran Port Dickson dalam **tempoh 14 hari** (termasuk hari Cuti Am, Sabtu dan Ahad) dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dipulangkan.

**12. Insurans**

a) Syarikat bertanggungjawab menyediakan insurans kepada kakitangan yang bertugas ketika memberikan perkhidmatan dan pihak kerajaan tidak bertanggungjawab atas segala kerosakan atau kemalangan yang menimpa kakitangan ketika mereka bertugas.

**13.** Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

**14. Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah :-**

a) Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*;

b) Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*;

c) Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*; dan

d) Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)*.

## ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

6. Penyebutharga yang mengemukakan sebut harga adalah tertakluk kepada syarat dan arahan yang terdapat di dalam dokumen ini. Sebut harga yang tidak mengikut syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

7. Penyebutharga boleh menghubungi Puan Noridayu binti Muhamad di talian 06-647 1122 sambungan 1907 pada waktu pejabat sekiranya terdapat pertanyaan mengenai sebut harga ini.

**8.** Dokumen sebut harga dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan **(KEW.PA-28)** boleh diperolehi dan dimuat turun secara percuma di Portal MPPD melalui laman web **www.mppd.gov.my** mulai 19 April 2024.

**9. KAEDAH MELENGKAPKAN DAN PENYERAHAN SEBUTHARGA**

**10. PENYEDIAAN SEBUT HARGA**

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi segala dengan sepenuhnya menggunakan **pen dakwat berwarna hitam sahaja**.

**11. BORANG-BORANG YANG PERLU DIISI**

a) Lampiran Q
b) Lampiran A
c) Lampiran 6
d) Lampiran C
e) Lampiran J

**12. DOKUMEN-DOKUMEN WAJIB YANG PERLU DIHANTAR**

**4.3.1 - TAWARAN HARGA :**

a) Lampiran A – Borang Akuan Sebutharga
b) Lampiran 6 – Surat Akuan Pembida
c) Lampiran C – Keterangan Mengenai Penyebutharga
d) Lampiran J – Borang Sebutharga Pelupusan Aset Alih (KEW.PA-28)
e) Lampiran Q – Harga dan Tandatangan penyebutharga di ringkasan sebut harga
f) Salinan Sijil Pendaftaran Suruhannjaya Syarikat Malaysia (SSM)
g) Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)
h) Salinan Penyata Bulanan Bank terkini
i) Profail Syarikat / Salinan Kad Pengenalan

***Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan. Sebarang penggunaan pemadam cecair *"liquid paper"* adalah dilarang.**

**13. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

(a) Dokumen sebut harga perlu disahkan, ditandatangani dan dicap oleh pihak pembekal.

(b) Dokumen sebut harga boleh dihantar melalui pos atau serahan tangan.

(c) Sebut harga yang telah dihantar adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipinda.

(d) Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup adalah **DITOLAK**.

(e) Tarikh tutup penerimaan sebut harga adalah pada **26 April 2024**.

(f) Sebut harga yang dihantar secara serahan tangan atau pos dikemukakan dengan sampul surat berlakri ("sealed") serta dilabelkan di bahagian atas kanan :-

**"P0004/24"**

(g) Pihak Majlis Perbandaran Port Dickson tidak akan bertanggungjawab di atas kos penyediaan dan penghantaran dokumen sebutharga.

(h) Sebutharga perlu dihantar secara serahan tangan atau pos di alamat:

**Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor,**
**Blok A, Majlis Perbandaran Port Dickson,**
**Km 1, Jalan Pantai**
**71009, Port Dickson, Negeri Sembilan**

**14. TEMPOH SAH SEBUT HARGA**

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebut harga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Tindakan tatatertib akan diambil sekiranya penyebut harga menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

**6. TEMPOH SIAP KERJA**

Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 14 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset.

**15. BAYARAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

Dokumen sebut harga ini adalah PERCUMA.

**(LAMPIRAN A)**

**BORANG AKUAN SEBUT HARGA**

Kepada:

……………………………..

……………………………..

……………………………..

Tuan,

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA: **P0004/24**

**PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA**

Merujuk kepada iklan tuan berkenaan perkara di atas, dan tertakluk kepada Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebut harga, pihak yang bertandatangan di bawah menawarkan untuk menyertai dan membeli sepertimana sebahagian yang terkandung dalam kontrak serta bersetuju dengan syarat yang ditetapkan berserta senarai harga yang disertakan bersama sebut harga.

Pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk terikat sepertimana yang ternyata dalam Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebutharga, spesifikasi dan jadual harga, serta bersetuju dengan harga berdasarkan kepada nilaian barang secara individu yang diperolehi.

Seterusnya, pihak yang bertandatangan di bawah bersetuju untuk menyiapkan penyempurnaan mengikut Arahan dan Syarat-syarat Am Kepada Penyebutharga yang diberikan.

Pihak bertandatangan dibawah pasti, selepas penelitian, dokumen yang digunakan dalam sebut harga ini adalah salinan asal seperti yang termasuk dalam cadangan sebut harga.

Tempoh penyempurnaan dalam **tempoh 14 hari bagi pengambilan aset** selepas bayaran penuh dijelaskan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Tandatangan | | Tandatangan kepada | |
| Penyebut harga | :…………............... | saksi Penyebut harga: | …………………… |
| Nama dan Alamat | :…………………….. | Nama dan Alamat | :…………………… |
| Syarikat | :…………………….. | Syarikat | :…………………… |
| Tarikh | :…………………….. | Tarikh | :…………………… |

**(LAMPIRAN 6)**

## SURAT AKUAN PEMBIDA

## PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA JUALAN SISA (P0004/24)

Saya, .......……………………..………………………………………………(Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan...................……………yang mewakili……………..……...……………(Nama Syarikat)..........nombor Pendaftaran (*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)………………….. dengan ini /Agensi) …...........................................… atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam …………………………(Nama/Kementerian dipilih dalam *tender / sebut harga seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender/ sebut harga atau menawar, menjanjikan atau memberi suapan kepada mana-mana orang dalam …........…………….. (Nama/Kementerian/Agensi)..................atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk pilih dalam *tender / sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi *tender / sebut harga; dan
2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam *tender / sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

4. Saya sesungguhnya faham bahawa kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini mematuhi perkara 2 dalam surat akuan ini boleh menyebabkan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini didakwa bagi kesalahan** di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat*** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang Benar,

Tandatangan :……………………………………………………

Nama :……………………………………………………

No. KP :……………………………………………………

Tarikh :……………………………………………………

Cop Syarikat :……………………………………………………

Catatan:

(i) * Potong mana yang tidak berkenaan
(ii) ** termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan.
(iii) *** seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
(iv) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

**(LAMPIRAN C)**

**<u>KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA</u>**

**1. NAMA PENYEBUT HARGA :**
(Syarikat)

**2. ALAMAT PENYEBUT HARGA :**

i. Ibu Pejabat : ____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

ii. Cawangan : ____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

**3. TELEFON PENYEBUT HARGA :**

i. Ibu Pejabat : ________________________________________

ii. Cawangan : ________________________________________

iii. No. Fax : ________________________________________

**4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN :**

i. Tempoh Pendaftaran Mulai : _____________
(Sila sertakan salinan sijil ) Hingga :_____________

ii. Taraf Penyebut harga : *Bumiputera/Bukan Bumiputra
(Sila sertakan sijil pengiktirafan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia)

**5. PENYATA KEWANGAN**

(Bertujuan untuk pemulangan bayaran deposit)

- Penyebut harga WAJIB menyertakan PENYATA KEWANGAN ini. Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan kesukaran dan kelewatan proses pemulangan bayaran deposit.

**6. SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN ATAU SIJIL SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**

- Penyebut harga WAJIB menyertakan salinan SSM bersama sebut harga ini.

**KEW.PA-28**

# BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

# (KENDERAAN)

Nama Individu/Syarikat : ..............................

No.Kad Pengenalan/Pendaftaran Syarikat : ..............................

Alamat:

..............................

..............................

..............................

..............................

Kepada:

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
KM 1, JALAN PANTAI (BLOK A)
71009 PORT DICKSON
**NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**
(u.p.: Bahagian Perolehan, Pengurusan Aset dan Stor)

Tuan,

***Tawaran untuk Sebut Harga No. P0004/24***

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut:-

| Bil. | Keterangan Aset | Kuantiti | Harga Tawaran (RM) | Deposit Sebutharga (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Peralatan Bengkel: | | | |
| | -Mesin Gergaji (Chainsaw) | 4 | | |
| | -Ride On Mover | 1 | | |
| | -Mesin Fogging | 2 | | |
| | -Mesin Trimmer | 4 | | |
| | -Blower | 3 | | |
| | -Gergaji | 1 | | |
| | -Mesin Rumput | 10 | | |
| | **Jumlah** | **25** | | |
| 2. | Peralatan Pejabat: | | | |
| | -Mesin Tebuk Tarikh Bayaran | 1 | | |
| | -Mikroskop | 1 | | |
| | -Kabinet Fail | 3 | | |
| | -Kerusi Besi | 68 | | |
| | -Khemah | 18 | | |
| | **Jumlah** | **91** | | |
| **Jumlah Keseluruhan ( Bil. 1 & Bil. 2 )** | | | | |

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai **RM** ………………… **(Ringgit Malaysia** ……………………………………………………… **)** dalam bentuk **Wang Pos / Draf Bank, No.** ………………………………………… atas nama **YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON**.

4. Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :…………………………………………..

Tarikh :………………………………………….

Cap Syarikat :………………………………………….